

27/05/1997

Libya permudah suasana pelaburan

Noreha Mohd Ripin in Tripoli

TRIPOLI, Isnin - Undang-undang pelaburan yang baru diluluskan Kongres Rakyat Libya, Mac lalu, boleh dijadikan wahana bagi pelabur Malaysia merebut peluang perniagaan di sini.

Setiausaha Luar Hal Ehwah Luar (Asia-Pasifik), Dr Salem I Salem, memberi jaminan itu kepada rombongan Ahli Parlimen Malaysia yang diketuai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, dalam satu pertemuan di sini, semalam.

Nazri berkata, Malaysia mahu kerjasama ekonomi dengan Libya dibuktikan dengan pelaburan yang menguntungkan kedua-dua negara.

"Malaysia dan Libya sudah ada hubungan politik yang baik dan saling memahami. Sudah tiba masanya hubungan itu dimantap dan dikukuhkan lagi dengan kerjasama ekonomi," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai negara yang berkongsi perjuangan dengan Libya, mahu Tripoli memperkukuhkan ekonominya supaya setanding dengan perjuangan politiknya yang lantang mengkritik sebarang penindasan terhadap negara Islam.

"Negara Islam perlu memperkukuhkan ekonominya supaya mampu menangkis sebarang percaturan dan agenda kepentingan Barat," kata Nazri.

Menurutnya, dahulu Malaysia berdepan dengan masalah yang sama dengan negara kecil yang bergantung bantuan dengan negara besar, tetapi sekarang tidak lagi kerana wawasan ekonomi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terbukti mampu memantapkan ekonomi Malaysia supaya tidak lagi tunduk kepada kehendak politik Barat.

"Malaysia sekarang tidak perlu takut lagi dengan langkah balas jika mahu menyuarakan apa-apa sahaja ketidakadilan dan penindasan Barat," katanya.

Nazri berkata, Malaysia mahu melihat Libya, yang kaya dengan sumber minyaknya, mengukuhkan ekonominya supaya dapat bersama-sama dengan Malaysia bersuara tanpa takut dengan atur cara Barat.

"Malaysia mahu mengambil peluang untuk membantu saudara kita di Libya mencapai wawasan ini dalam bentuk kerjasama pelaburan.

"Kita percaya dengan jaminan kerajaan Libya untuk melindungi pelabur Malaysia dan sistem sokongan yang disediakan, peluang pelaburan kedua-dua negara dapat dikenal pasti dan dijadikan kenyataan," katanya.

Dr Salem pula berkata, keyakinan akan terus dijalin di antara Malaysia dan Libya supaya kerjasama ekonomi dapat dipererat dalam waktu terdekat.

Dalam pertemuan hari ini dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Maklumat Kebangsaan dan Dokumentasi, Amar Al-Mabrouk Eltif, beliau berkata, untuk merealisasikan wawasan bersama Malaysia-Libya itu, kerajaan akan menghantar rombongan perwakilan sektor swasta ke Malaysia untuk belajar dari pengalaman Malaysia.

(END)